

UMS, Universitas Brawijaya komited tingkat kerjasama akademik dan penyelidikan

UB 05.12.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus giat mengadakan kolaboratif dengan institusi pendidikan tinggi dari luar negara dalam usaha meningkatkan kecemerlangan kesjaranaan akademik bertaraf antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Terbaharu, UMS melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) menandatangani satu Surat Niat (LoI) bersama Fakultas Perikanan dan Ilmu Kelautan, Universitas Brawijaya (UB), Indonesia.

Surat Niat itu dimeterai dalam satu acara yang berlangsung di Bangunan Inkubator, IPMB baru-baru ini sempena program kunjungan delegasi UB yang diketuai oleh ketua rombongan, Prof. Madya Dr. Uun Yanuhar ke IPMB UMS.

Dalam pada itu, kunjungan delegasi UB antara lain bertujuan meningkatkan kerjasama



KERJASAMA: Dr. Zarinah (duduk, kiri) bersama delegasi dari Universitas Brawijaya dan pensyarah-pensyarah IPMB.

di antara kedua-dua universiti terutama dari segi kolaboratif akademik, penyelidikan dan mobiliti pelajar serta kakitangan.

Ketibaan delegasi disambut Timbalan Pengarah Akademik dan Antarabangsa IPMB, Dr. Zarinah Waheed; Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Inovasi IPMB, Dr. Mo-

hammad Tamrin Mohamad Lal; dan beberapa pensyarah IPMB.

Delegasi UB turut dibawa melawat fasiliti penternakan ikan dan krustasia UMS, serta berkongsi ilmu bersama kakitangan, pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah UMS.

Delegasi kemudian dibawa

melawat rakan kolaboratif dan industri UMS iaitu BV Shrimp Farm Sdn. Bhd. dan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan).

Pada hari terakhir lawatan, delegasi UB berkesempatan untuk menyempurnakan aktiviti pelepasan benih ketam bakau di Kota Kinabalu Wetland.